

25 OCT 1999

Azmi-Tindakan

PERLU ADA GARIS PANDUAN JELAS HUKUM K/TANGAN K'JAAN YANG HINA PEMIMPIN

KOTA BAHARU, 25 Okt (Bernama) -- Kerajaan perlu menyediakan garis panduan yang lebih jelas bagi menghukum kakitangan kerajaan seperti guru yang didapati menghina pemimpin kerajaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid berkata melalui garis panduan itu kerajaan dapat mengenakan hukuman yang lebih tegas seperti memecat mana-mana kakitangan kerajaan yang secara terang menghina pemimpin kerajaan seperti yang dilakukan oleh seorang guru di Kedah baru-baru ini.

"Secara peribadi saya berpendapat guru itu telah melakukan kesalahan yang besar dan tidak ada tindakan yang lebih wajar selain memecatnya kerana setiap kakitangan kerajaan mesti beretika," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup ujian kemahiran menembak anggota Relawan Rakyat (Rela) peringkat kebangsaan di Lapang Sasar Bukit Merbau, Ketereh di sini hari ini.

Azmi berkata kriteria bagi menghukum setiap kesalahan yang dilakukan oleh kakitangan kerajaan sekarang adalah begitu liberal iaitu hanya dikenakan tindakan seperti menukar tempat kerja atau tindakan tatatertib yang lain.

Katanya ada segelintir kakitangan kerajaan kini yang mengambil kesempatan terhadap sikap tolak ansur kerajaan selama ini dengan secara terbuka menentang kerajaan.

"Memang selama ini kerajaan begitu liberal dalam mengambil sebarang tindakan tetapi sudah sampai masanya kerajaan bertindak bagi menyekat perkara itu," katanya.

Mengulas laporan akhbar rasmi Pas, Harakah, beliau berkata sudah sampai masa yang paling sesuai untuk KDN memanggil pihak pengurusan akhbar itu bersabit beberapa laporannya mengenai kerajaan sebelum ini.

Menurutnya KDN sedang meneliti untuk mengambil tindakan terhadap tindakan akhbar itu yang menyiarkan gambar kartun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama simbol Zionis.

"Banyak pihak dalam negara ini berpendapat KDN tidak bertegas dan kini kita sedang meneliti secara mendalam untuk mengambil tindakan terhadap Harakah," kata Azmi.

Katanya kerajaan mengambil sikap terbuka tanpa mengambil sebarang tindakan bagi membolehkan masyarakat menilai sendiri peranan yang dimainkan oleh akhbar itu yang jelas banyak melakukan fitnah terhadap kerajaan.

Sementara itu Ketua Pengarah Rela, Shafee Abu Bakar berkata semua anggota Rela di seluruh negara akan dikerahkan membantu anggota polis bagi menjaga keselamatan dan mengawal ketenteraman semasa berlangsungnya pilihan raya umum akan datang.

Shafee berkata seramai 260,000 anggota Rela itu telahpun dimaklumkan mengenai perkara itu selain bersiap sedia bagi menghadapi musim tengkujuh yang mula melanda negara.

"Rela mempunyai platoon elit di setiap negeri yang boleh digerakkan pada bila-bila masa sahaja ketika berlakunya bencana alam," kata Shafee.

Seramai kira-kira 200 anggota Rela daripada seluruh negara menyertai ujian menembak selama lima hari yang bermula Khamis lepas.

-- BERNAMA

ZI LAT